


NOVEL REMAJA

Pau Pau

CHIN FOOK ON



Pau Pau

CHIN FOOK ON

Paupau



SAB00025472

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Novel ini memenangi Hadiah Penghargaan Peraduan Menulis Novel Remaja 1999 Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Penerbitan Novel ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 2001
© Chin Fook On 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Chin Fook On

Paupau / Chin Fook On @ Robert.

ISBN 983-62-7172-4

1. Young adult fiction, Malay, 2. Malay fiction. I. Judul.
899.2333

Dicetak oleh
Gayawara Sdn. Bhd.
No. 2, Jalan Nountun
Kampung Bambangan, Inanam
88450 Kota Kinabalu

1

24 OGOS. Aku bercuti hari ini.

Kelopak mataku terangkap perlahan-lahan ketika suasana alam masih gelap. Sering kali aku terjaga daripada lena sewaktu matahari sudah pun mencurah seri emasnya ke atas bumi tercinta. Kupandang jam dinding. Pukul 5.04.

Dengan bantuan cahaya kuning malap dari lampu dinding, aku melihat isteriku telentang selesa, masih lena. Nora memakai gaun tidur sutera berwarna putih. Semalam merupakan kali pertama aku melihat gaun itu dipakai, tetapi baru kini aku menyedarinya. Kasihan Nora, mungkin dia menanti pujian terhadap pakaian barunya, seperti yang sering kali aku ucapkan.

Bergaun baru atau tidak, sekali lagi kejelitaan Nora memenangi renunganku. Bibir merah separa terbuka itu menjadi fokus utama. Acap kali aku mengucup bibir bulat yang menawan itu, lantas

menjemput Nora keluar dari lena untuk bersama-sama menghadapi hari baru. Namun aku tidak akan melakukan tanda kasih itu pada hari ini.

Dengan cermat aku beralih dari katil besar. Jangan sampai Nora terjaga, bisik hatiku. Lantas aku meninggalkan kamar itu lalu berjalan perlahan-lahan ke pejabat peribadiku di tingkat bawah.

Aku menghidupkan komputer peribadiku. Kemudian aku menjalin perhubungan elektronik dengan TmNet. Aku menekan punat *Microsoft Outlook Express* memeriksa kalau-kalau ada rakan yang menghantar *e-mail*.

Kriiinggg ...!

Aku tersenyum. Irama itu menandakan ada *e-mail* terbaru. Ia dari ayah angkatku. Tanpa membuang masa, aku membaca surat tersebut.

Kin Kit,
Ayah dan mak kira kau telah merancang sesuatu bagi menyambut hari lahir Kang Yeong pada Sabtu ini. Mak kau bercadang agar kita adakan majlis istimewa itu di sini ... di rumah kami. Musim buah-buahan sudah pun bermula, dan kau tahu betapa anak-anak periang itu suka menjolok buah. Boleh ya ..., pasti seronok berjumpa kelak.

Esok 24 Ogos. Ayah sentiasa ingat akan tarikh itu. Ia satu tarikh yang ayah dan mak ingat, selamanya. Ayah sendiri berpuasa

sehingga matahari terbenam setiap 24 Ogos. Kin Kit, ayah faham kau akan 'kembali' bersamanya. Kami faham tentang isolasi peribadi kau pada hari ini. Itulah sebabnya mak dan ayah mengunjung tanah perkuburan petang tadi. Kau akan dapati bunga ros di tepi kuburnya masih segar. Kin Kit, ingatlah akan keluar-gamu apabila matahari mulai terbenam. Ingatlah akan kami juga.

Aku membalas e-mail tersebut.

*Ayah dan mak,
Saya tidak pernah melupakan kasih dan budi mak dan ayah berdua. Terima kasih.*

Ya, cadangan untuk majlis hari lahir Kang Keong di rumah ayah memang satu cadangan baik. Budak-budak tu pun rindu pada ayah dan mak. Saya akan kembali. Tentang hadiah Kang Yeong, saya tahu ayah ingin membelikannya pisau lipat Victorinox Swiss Champ, seperti yang ayah janjikan kepadanya. Nampaknya ayah kena belikan hadiah lain, kerana saya sudah pun membeli dan membalut kemas pisau idaman ramai pekhemah tersebut. Sepasang kasut lasak mungkin pilihan terbaik selepas pisau itu, kerana Kang Yeong akan menyertai pasukan pengakapnya berkhemah di errr ... hutan.

Kang Keong suka akan kek pisang mak.

Kalau boleh, adalah kek itu dalam majlisnya kelak.

Aku menekan punat *Send*. Beberapa saat kemudian aku mematikan suis komputer dan melepaskan nafas panjang. Kamar itu kutinggalkan.

Pintu bilik Kang Yeong kubuka perlahan-lahan. Aku mengorak langkah dan berhenti benar-benar di hadapan katilnya. Dinding bilik anak sulungku dihiasi dengan poster kapal pejuang F-14 Tomcat dan F-16. Minatnya terhadap kapal pejuang tersebut memang wujud sejak dia berusia 10 tahun.

Kang Yeong akan berusia 15 tahun hujung minggu ini. Dia seorang yang tegas dan agresif. Entah kenapa pula, sejak kebelakangan ini dia cepat pula naik marah. Barangkali Kang Yeong mahu lebih masa untuk bersendirian. *Privacy*. Remaja meningkat dewasa memang begitu.

Sungguhpun demikian, Kang Yeong tampil sebagai seorang abang yang bertanggungjawab terhadap adik-adik. Tidak ramai abang yang bertindak sebagai pelindung dan pemerhati adik-adik. Kang Yeong sentiasa memastikan adik-adiknya tidak lari dari erti kata sopan, dan sentiasa membantu di mana yang perlu. Aku meninggalkan kamar Kang Yeong dengan senyuman.

Pintu bilik Jian Moi kutolak perlahan-lahan. Aku berdiri di hadapan katilnya. Satu-satunya puteri

dalam keluargaku tidak tidur sendirian. Terdapat barisan patung yang comel-comel di kiri kanannya. Molek. Jian Moi sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan patung mainan.

Bakat Jian Moi dalam bidang piano tidak dapat dinafikan. Sungguhpun baru berusia 11 tahun, dia mampu menekan kekunci piano seperti seorang pianis terkenal. Jari-jemarinya bergerak bagaikan labah-labah, yang sungguh cepat pergerakannya. Malah, sekarang pun Jian Moi ditaja oleh Yayasan Sabah untuk mengikuti kelas latihan piano di sebuah institusi terkenal di Kota Kinabalu. Siapa yang tidak bangga dengan anak yang berbakat semacam itu. Aku meninggalkan kamar Jian Moi dengan senyuman.

Aku membuka pintu kamar anak bongsuku. Teck Wing sentiasa mencontohi abangnya dalam banyak hal. Dinding kamar Teck Wing juga dihiasi poster. Namun poster Teck Wing menonjolkan kecantikan mamalia laut seperti ikan lumba-lumba, paus putih dan dugong.

Wajah Teck Wing kutatap lama-lama. Ia bagai satu berkat bagiku kerana Teck Wing benar-benar menyerupai Jos. Malah, segala apa yang kukenali dalam diri Jos wujud dalam diri Teck Wing. Wajahnya yang comel, suaranya yang lunak dan kebaikan hatinya. Sikap Teck Wing yang ramah dan suka berceloteh menyebabkan ramai orang mudah mesra